




BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Lurus Tali Lurus Sumpitan



"KALAU nak ikut rasmi lurus, jangan lurus macam tali akan dibuat orang pengikat, biar lurus buluh sumpitan bisa damaknya ditakuti orang," demikian ingatan yang sering diberikan oleh Tan Sri A Samad kepada generasi muda apabila menceburkan diri dalam politik. Memang beliau mempunyai pendirian sekiranya terlalu 'lurus' dalam perjuangan politik, nescaya akan diperalatkan oleh pihak lain yang sengaja mencari kesempatan. Justeru bagi Tan Sri A Samad sikap 'lurus' perlu berhati-hati supaya berlandaskan *'menarik rambut dalam tepung, rambutnya jangan putus, tepungnya jangan bersirak'*.

Beliau melihat Tun Razak mempunyai 'sikap lurus' seperti tali yang digunakan oleh pihak lain sebagai pengikat. Sepanjang hubungan rapatnya dengan Tun Razak, beliau sedar kejujuran ketua partinya yang terlalu lurus itu, tetapi bukanlah seperti tali yang boleh dijadikan pengikat. Ketika Tun Razak berkunjung ke Negeri Sembilan, satu laporan disampaikan mengenai seorang ADUN Umno menyelewengkan bantuan kewangan yang membabitkan kebajikan anak-anak yang memerlukan bantuan. Bagi menjaga imej parti, Tun Razak telah mengeluarkan cek peribadi bagi membayar semula bantuan kewangan yang diselewengkan itu.

"Tak sedar airmata saya bergenang apabila Tun Razak keluaran cek peribadi bagi membayar balik wang tersebut, apa lagi Tun berkata 'saya bukan banyak wang, tapi saya bayar balik kerana tanggungjawab'," beritahu Tan Sri A Samad mengimbau kembali kes tersebut. Selepas peristiwa tersebut, Tun Razak mengingatkan beliau supaya nama ADUN itu tidak disenaraikan lagi bertanding dalam pilihanraya berikutnya. Apabila namanya tidak dipilih menjadi calon ADUN berkenaan menuduh Tan Sri A Samad menjadi dalang bagi menyingkirkan beliau daripada bertanding dalam pilihanraya.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad merahsiakan nama ADUN tersebut, di samping tarikh kes itu berlaku serta pilihanraya terbabit. “Biarlah semua menjadi kenangan dalam lipatan sejarah,” beritahu Tan Sri A Samad. Apa yang beliau mahu ingatkan kepada generasi baru ialah bagaimana kejujuran Tun Razak sebagai seorang pemimpin yang ‘lurus’ seperti buluh sumpitan, yang sukar dijadikan sebagai tali pengikat. Sikap ‘lurus’ Tun Razak ini juga dapat dilihat melalui perjanjian yang dibuat dengan Pas bagi mengadakan Kerajaan Campuran di semua peringkat bertarikh 28 Disember 1972.

Perjanjian yang ditandatangani oleh Tun Razak bagi pihak Parti Perikatan dan Datuk Asri Haji Muda bagi pihak Pas, pada perenggan 6 berbunyi: *“Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli Pas yang difikirkan sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri. Begitulah juga sebaliknya di Kelantan, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Perikatan akan diberi pertimbangan yang sama oleh kerajaan negeri Kelantan untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan dalam negeri itu.”*

Kejujuran Tun Razak mahu membentuk kerajaan campuran itu menunjukkan sikap ‘lurus’nya mahu melihat perpaduan orang Melayu. Mengikut analisis politik ketika itu tidak perlu kerajaan campuran diwujudkan, kerana kedudukan Parti Perikatan sudah sedia mantap bagi membentuk kerajaan. Tetapi Tun Razak yang ‘lurus’ itu lebih melihat kepada kepentingan pembangunan bagi mengurangkan ‘politiking’ yang boleh melambatkan proses memperbaiki tahap ekonomi bangsa Melayu. Dalam bukunya **‘Suka Duka Politik Tun Razak’**, wartawan Subky Latiff menulis:

“...Analisa-analisa yang dibuat semasa rundingan-rundingan dijalankan merasakan kerajaan campuran Perikatan-Pas di semua peringkat itu agak sukar diadakan. Fakta-fakta yang wujud tidak menunjukkan yang kerajaan campuran itu begitu diperlukan. Kerajaan Perikatan meskipun merosot kerusinya dalam pilihanraya umum tahun 1969, tetapi dengan sokongan yang didapati dari anggota-anggota pembangkang yang menyertai kerajaan kerajaan campuran dari SUPP, Gerakan dan PPR serta anggota-anggota pembangkang yang melompat ke pihak kerajaan

memberikan majoriti yang cukup untuk berbuat apa saja. Ia mempunyai lebih dari cukup untuk meminda perlembagaan..."

Dalam kedudukan Parti Perikatan sudah cukup kuat, Tun Razak tidak keberatan meneruskan kerjasama dengan Pas dalam kerajaan campuran itu. Justeru istilah 'lurus' dalam isu kerajaan campuran itu bukanlah seperti tali, sebaliknya 'lurus buluh sumpitan' mengikut tafsiran Tan Sri A Samad. Pengalaman bekerja dengan Tun Razak juga banyak memberi pengajaran kepada Tan Sri A Samad mengenai makna 'lurus' dalam menjalankan tugas. Semasa menjadi menteri kabinet pun beliau masih berpegang kuat kepada prinsip 'lurus' seperti buluh sumpitan ini, ketika mewakili kementerian membuat lawatan ke Jepun.

Bekas Ketua Pengarah Belia, Datuk Suffian Abdul Rahim pernah memberitahu mengenai syarikat Suzuki di Jepun melantik sebuah koperasi di bawah kementerian menjadi agen tunggal pengedaran kereta dan motosikal keluarannya di Malaysia. Surat perlantikan itu adalah atas nama peribadi Tan Sri A Samad sendiri, bukan kedudukannya sebagai menteri atau mewakili koperasi yang dinamakan itu. Sebaliknya, apabila balik ke Malaysia Tan Sri A Samad tidak menggunakan nama peribadi sebagai agen tunggal syarikat tersebut, tetapi menyerahkan kepada koperasi di bawah kementerian.

Sekali pun sikap Tan Sri A Samad dianggap sebagai 'lurus tali', namun beliau tetap berpendapat 'kalau keruh air di hulu, takkan jernih air di hilir'. Sebagai menteri kabinet beliau tidak wajar menjadi contoh yang buruk kepada kementeriannya kalau mengambil kesempatan dalam masa mendapat peluang terbuka begitu. Beliau tetap bersikap 'lurus sumpitan' kerana memberikan peluang menjadi agen tunggal kepada koperasi di bawah kementeriannya akan memberikan imej yang lebih kepada kementerian itu.

Justeru kejadian yang berlaku dalam kes seorang ADUN menyelewengkan bantuan kebajikan kepada anak-anak yang memerlukan bantuan di Negeri Sembilan memang meninggalkan kesan di jiwa Tan Sri A Samad. Beliau tidak tergamak melihat pemimpin seperti Tun Razak terpaksa menjadi 'galang ganti' dalam usaha melindungi kesilapan ahli parti semata-mata mahu memelihara imej Umno. Inilah yang ditekankan oleh Tan Sri A Samad kepada generasi muda, kalau mahu 'lurus' ikutlah rasmi buluh sumpitan yang boleh

membunuh dengan bisa racun damaknya, janganlah ikut rasmi tali mudah dijadikan orang lain sebagai pengikat!

Berbalah dengan Sardon Jubir

Biasanya apabila bertemu generasi muda di kalangan Umno, Tan Sri A Samad sering menuturkan, “Kenapa selalu berorok aje?”. Sebaliknya generasi muda yang mudah merasa tersinggung segera menyahut, “Zaman Tan Sri dulu apa kurangnya?” Tetapi bagi Tan Sri A Samad teguran yang beliau sampaikan kepada generasi muda semata-mata ikhlas mengenai sikap ‘berorok-orok’ hingga memecah belahkan perpaduan parti. Berbeza dengan era yang dilalui sebelumnya, beliau tidak akan berkeras selepas keputusan muktamad dicapai.

Misalnya, dalam isu kerakyatan tahun 1957 beliau ikut bertindak keluar Mesyuarat Perwakilan di Kuala Lumpur bersama 10 orang wakil Negeri Sembilan apabila membantah sikap berlembut pucuk pimpinan Pusat. Tan Sri A Samad tidak bersetuju kerakyatan diberi dengan mudah kepada kaum bukan Melayu, selagi mereka tidak menunjukkan semangat patriotisma kepada negara ini. Dalam Mesyuarat Perwakilan di Kuala Lumpur itu, bantahan Negeri Sembilan disampaikan melalui wakilnya Dato’ Raja Abu Hanifah bin Abdul Ghani dari Seremban.

Tindakan ke semua wakil Negeri Sembilan melakukan ‘*walk out*’ itu sudah tentu dikira agresif, kerana menentang keputusan Umno Pusat yang memberikan beberapa kelonggaran dalam isu kerakyatan kepada bukan Melayu. Bagi meredakan keadaan, Tun Razak datang ke Seremban dalam usaha memberi penjelasan, kenapa Umno Pusat mengambil keputusan yang dianggap berlembut itu. Setelah mendapat penjelasan Tun Razak, kebanyakan rakan-rakan Tan Sri A Samad bersetuju dengan keputusan Umno Pusat kerana ianya sudah menjadi mandat bersama. Sebaliknya Dato’ Raja Abu Hanifah tetap berkeras menolak sebarang kompromi, hingga akhirnya beliau keluar meninggalkan Umno.

Dato’ Raja Abu Hanifah kemudiannya menyertai Pas, seterusnya menjadi ahli Parlimen parti itu setelah menang di Tanah Merah, Kelantan dalam pilihanraya 1959. Beliau dipilih menjadi Naib Yang Dipertua Agung Pas, tetapi tewas dalam pilihanraya 1964 di kawasan Parlimen Parit di Perak. Berikutan dengan konfrantasi Indonesia, Dato’ Raja Abu Hanifah ditahan di bawah ISA dalam tahun

1965. Sekali pun Dato' Raja Abu Hanifah meninggalkan Umno, namun Tan Sri A Samad tetap menghargai sumbangan tokoh tersebut di peringkat awal perjuangan Umno.

Malah selepas Dato' Raja Abu Hanifah dibebaskan daripada tahanan ISA setahun selepas itu, Tan Sri A Samad pernah memintanya supaya kembali menyertai Umno. Bagi Tan Sri A Samad sikap 'lurus' yang perlu wujud dalam perjuangan ialah keikhlasan, tetapi janganlah keikhlasan itu dipergunakan oleh orang lain untuk memusnahkan diri sendiri. Dalam isu kerakyatan yang diperjuangkan oleh Umno Negeri Sembilan ketika itu ialah keikhlasan kepada bangsa Melayu, namun keikhlasan itu tidak seharusnya dimusnahkan hingga memberi ruang kepada pihak lain melumpuhkan perjuangan Melayu.

Beliau menerima keputusan Umno Pusat dalam isu kerakyatan yang ditentang sebelum itu, adalah bagi mengukuhkan semula perjuangan orang Melayu. Justeru 'lurus' yang beliau kehendaki bukanlah 'seperti tali', sebaliknya perlu segagah 'buluh sumpitan'. Suara lantang Tan Sri A Samad tidak mengendur sekali pun beliau menerima kelonggaran dalam isu kerakyatan itu. Sewaktu menjadi menteri kabinet pun, beliau tetap bersuara seperti dalam kertas kerjanya dalam tahun 1979 - **'Nasionalisma Dan Dilema Politik Melayu: Dari perspektif sejarah dan permasalahan masa depannya'**:

"...Kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu ini adalah dari sikap cintanya kepada negara amat mendalam. Sekali pun ada anggapan sesetengah pihak bahawa orang Melayu ketika itu bangsa yang tidak boleh diharap, berfikiran kolot dan berbagai-bagai keburukan yang dilimpahkan, namun mereka tetap tidak rela untuk menjadikan negeri ini, negeri orang-orang bukan Melayu!"

"Bagi mereka orang-orang Cina dan India adalah tetap kaum dagang yang tidak seharusnya mencampuri politik dalam negara mereka, apa lagi hendak menjadikan negeri Melayu sebagai tanah jajahan Negeri China. Kegiatan politik mereka hanya semata-mata menyahut seruan pemimpin-pemimpin dari negara asal mereka yang datang berkunjung ke sini. Gerakan politik orang-orang Cina bermula dengan kedatangan Dr Sun Yat Sen yang menetap di sini beberapa bulan dalam tahun 1911. Kesedaran

politik orang-orang India juga dengan kunjungan Pandit Jawaharlal Nehru yang kemudiannya tertubuh 'Persatuan India Pusat' dalam tahun 1937.

"Cita-cita nasionalisma mereka lebih berat berkiblat ke negara asal mereka, dan bukannya dalam usaha merebut kemerdekaan Tanah Melayu dari penjajah Inggeris! Bermula dari sinilah semangat kebangsaan orang-orang Melayu bersemarak ke arah kemerdekaan yang abadi. Sebelum perang semangat kebangsaan ini telah dipupuk melalui keagamaan seperti di pondok-pondok, di madrasah-madrasah dan media-media yang dipelopori oleh Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan rakan-rakan mereka yang mendapat pendidikan di Timur Tengah..."

Melalui kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno tahun 1979 itu, Tan Sri A Samad masih merumuskan kelantangan suaranya sejak tahun 1957 dalam isu kerakyatan ketika itu. Sebagai anggota Pemuda Umno dalam tahun 1957, beliau juga berhadapan dengan sikap keras Ketua Pemuda, Tun Sardon Jubir. Dalam banyak hal Tun Sardon tidak akan menentang pucuk pimpinan secara terbuka, sebaliknya akan membuat kritikan semasa di dalam mesyuarat. Justeru langkah Tan Sri A Samad ikut sama dengan perwakilan Negeri Sembilan bertindak 'walk out' atau keluar meninggalkan Mesyuarat Perwakilan itu memang tidak disenangi oleh Tun Sardon.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad menyedari Tun Sardon seorang yang pemaaf, kerana kemarahannya tidak akan berpanjangan. Beliau mengakui sering bertelagah dengan Tun Sardon ketika dalam mesyuarat Pemuda Umno yang dianggap terlalu berkompromi dalam beberapa isu, tetapi Tun Sardon akan segera menerima segala keputusan majoriti. Ketika Tan Sri A Samad membuat cadangan bagi menukar slogan Umno daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' di Kuala Kangsar dalam tahun 1951, Tun Sardon juga tidak berapa senang.

Beliau menganggap Tan Sri A Samad seolah-olah mendahului pucuk pimpinan dalam membuat saranan demikian. Bagaimanapun selepas Pemuda Umno mengambil ketetapan supaya saranan itu dijadikan usul ke Mesyuarat Perwakilan di Kuala Lumpur, Tun Sardon tidak membantah keputusan tersebut. Malah beliau memberi restu

kepada wakil Johor, Abdul Gharieb Raof mengemukakan usul tersebut bagi pihak Pemuda Umno. Sikap terbuka Tun Sardon dalam menghadapi sebarang tekanan pihak Pemuda ini, memang dikagumi oleh Tan Sri A Samad. Justeru beliau juga banyak belajar daripada Tun Sardon ketika berdepan dengan sebarang isu yang mencabar.

Malah sewaktu Pemuda Umno memutuskan untuk membentuk 'Barisan 33' sebagai langkah alternatif melancarkan pemberontakan bersenjata, mereka juga membelakangkan Tun Sardon. 'Barisan 33' yang diketuai oleh Dato' Haji Ahmad Badwi, Naib Ketua Pemuda Umno ketika itu adalah diluar pengetahuan Tun Sardon, dengan Tan Sri A Samad diberi tugas mendapatkan senjata dari kem Askar Melayu di Port Dickson. Bagaimanapun 'Barisan 33' itu gagal dilaksanakan, selepas rahsia kegiatan mereka bocor kepada pengetahuan pihak Inggeris.

Dalam situasi hampir tidak dapat mengawal sikap ahli-ahli Pemuda Umno yang terlalu agresif, Tun Sardon tetap kekal memimpin pergerakan tersebut hingga ditewaskan oleh Tan Sri Senu Abdul Rahman dalam tahun 1964. Sepanjang kepimpinan Tun Sardon dalam Pemuda Umno, Tan Sri A Samad pula setiap tahun dipilih menjadi Pengerusi Tetap, kerana ketika itu pemilihan bagi jawatan Pengerusi Tetap dibuat pada setiap kali persidangan diadakan. "Beliau disukai oleh perwakilan menjadi Pengerusi Tetap, kerana perjalanan mesyuarat cepat selesai, dan para perwakilan berpeluang membeli belah di Kuala Lumpur sebelum balik ke tempat masing-masing," beritahu seorang veteran Umno di Seremban, Hashim Abdullah.

Timbalan Menteri Besar

Selepas pilihanraya 1964, Tan Sri A Samad dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan, dengan Tan Sri Dr Mohd Said kekal selaku Menteri Besar. Pergolakan politik di Negeri Sembilan juga menyebabkan pucuk pimpinan Pusat tidak menyerahkan jawatan Pengerusi Perhubungan kepada Tan Sri Dr Mohd Said, sebaliknya terus dipegang oleh Majlis Tertinggi dengan diwakilkan kepada Tan Sri Senu bagi menggantikan Dato' Abdul Rahman Talib. Ketika itu Dato' Abdul Rahman pula berhadapan dengan isu rasuah yang dibangkitkan oleh wakil pembangkang D R Seenivasagam (PPP - Ipoh).

Usaha bagi menjatuhkan Tan Sri A Samad dalam kepimpinan di Negeri Sembilan bukan sahaja dilancarkan oleh segelintir kerabat

diraja di Seri Menanti, tetapi menular kepada Umno Seremban. Veteran Umno yang pernah aktif di Seremban, Datuk Ahmad Muhamad dalam satu perbualan bersama Tan Sri A Samad, mengakui beliau terbabit secara langsung menentang kegiatan mahu menjatuhkan Tan Sri A Samad. "Mereka menganggap saya tidak wajar kerana tidak mahu menyertai usaha mereka bagi menjatuhkan Tan Sri A Samad," katanya memberi penjelasan.

Menurut Datuk Ahmad lagi, beberapa siri mesyuarat telah diadakan yang dipelopori oleh salah seorang keluarga terdekatnya di Rasah yang mempunyai hubungan rapat dengan Menteri Besar Tan Sri Dr Mohd Said. Malah saudaranya itu memandang serong terhadap dirinya apabila tidak menyokong usaha yang dijalankan bagi menjatuhkan kedudukan Tan Sri A Samad dalam kepimpinan di peringkat negeri. "Sepatutnya kau perlu sokong abang kau ni, bukannya menyokong Samad," pernah saudaranya itu memarahi Datuk Ahmad apabila tegas tidak menyokong kegiatan mahu menjatuhkan Tan Sri A Samad selaku Timbalan Menteri Besar.

Maknanya kedudukan selaku Timbalan Menteri Besar yang dipegang oleh Tan Sri A Samad juga menjadi rebutan ketika itu. Usaha menjatuhkan Tan Sri A Samad adalah bagi memberi laluan kepada tokoh yang mendapat sokongan penyokong-penyokong Menteri Besar dalam kemelut politik di Negeri Sembilan. Apa yang didedahkan oleh Datuk Ahmad merupakan bukti jelas, kemelut tersebut bukanlah berpunca daripada usaha Tan Sri A Samad yang dianggap oleh bekas wartawan yang pernah berkhidmat di Negeri Sembilan, Hussein Yaakob sebagai tokoh yang mencorakkan pergolakan politik ketika itu.

Beberapa siri mesyuarat tertutup telah diadakan di Seremban yang dipelopori oleh penyokong atau mereka yang rapat dengan Menteri Besar. Matlamat mereka adalah bagi menyingkirkan Tan Sri A Samad dalam kepimpinan di Negeri Sembilan sebelum atau menjelang pilihanraya 1969. Beberapa nama yang dianggap penyokong kuat Menteri Besar sudah disenaraikan bagi menggantikan Tan Sri A Samad. Seperti yang diberitahu oleh Datuk Ahmad, beliau sering dijemput menghadiri mesyuarat berkenaan tetapi mengambil sikap tegas menentang usaha tersebut.

Hashim Abdullah yang sering mengikut Tan Sri A Samad dalam lawatan kerjanya di Negeri Sembilan sepanjang menjadi Timbalan Menteri Besar, mengakui kedudukan beliau di peringkat

akar umbi ketika itu begitu mantap. “Beliau sentiasa bertemu dengan ahli-ahli Umno di peringkat akar umbi sama ada di Kuala Pilah, Jelebu, Tampin, Johol, Jempol atau Port Dickson malah Rembau dan Seremban. Apa sahaja majlis yang diadakan oleh cawangan-cawangan Umno, beliau tetap hadir untuk beramah mesra dengan ahli-ahli, kadangkala saya terfikir pula seolah-olah menjadi *body-guard* beliau,” beritahu Hashim.

Ketika Hashim menyertai Umno di Seri Menanti, Tan Sri A Samad sudah pun menjadi wakil rakyat. Beliau menjadi pekerja parti yang aktif membantu Tan Sri A Samad dalam kempen pilihanraya semenjak 1959, di samping sanggup berhadapan dengan tindakan keras daripada pihak lawan. Menurut Hashim beberapa kali beliau ditahan oleh pihak polis atas tuduhan cuba melakukan kekacauan, tetapi dibebaskan semula selepas mendapat jaminan daripada Tan Sri A Samad.

Hubungan baik Tan Sri A Samad dengan golongan mereka yang dianggap ‘bengkeng’ ini, jelas Hashim selanjutnya, menyebabkan beliau pernah ditohmah melindungi samseng atau ‘membela *gangster*’. Pihak lawan menggunakan isu tersebut bagi menggambarkan Tan Sri A Samad mempunyai pertalian dengan ‘samseng’, walhal beliau sekadar menjalin hubungan baik dengan peringkat akar umbi dalam Umno. “Malah saya juga pernah dianggap sebagai samseng, kerana dikatakan kaki gaduh di samping tak takut menyingsing lengan baju ketika usia remaja dulu,” ujar Hashim menambah.

Kisah Tan Sri A Samad melindungi samseng ini, disebabkan beliau berkawan baik dengan seorang yang bersikap garang ketika berhadapan dengan lawan dikenali sebagai ‘Ahmad Padang’. Di samping itu kalangan mereka yang mengenali ‘Ahmad Padang’ pula menganggap beliau ‘samseng Melayu’ yang paling ditakuti di Seremban, sekali pun lelaki itu tidak pernah terbabit dalam sebarang kegiatan ‘kongsi gelap’. Malah ketika Tan Sri A Samad merintis hubungan dengan Sumatera Barat dalam tahun 1967, ‘Ahmad Padang’ adalah orang yang bertanggung jawab mengatur lawatan tersebut.

Disebabkan terdapat tohmahan yang menyebut Tan Sri A Samad melindungi samseng atau ‘membela *gangster*’ pernah berlaku kes amuk di Batu Kikir dalam tahun 1967, yang mengorbankan 7 orang kaum Melayu. Dalam kes tersebut seorang lelaki Cina dikatakan mengamuk menggunakan parang penyang daging di pasar yang

dipercayai tidak siuman. Bagaimanapun khabar angin menyebut lelaki Cina itu mengamuk selepas balik menziarahi jirat keluarganya yang menjadi mangsa dalam Perang Batu Kikir dalam tahun 1945. Akibat kes amuk itu, masyarakat Melayu di Batu Kikir mahu menimbulkan rusuhan kaum setelah tidak puas hati dengan penjelasan kerajaan mengenai lelaki Cina itu dipercayai tidak siuman.

Sekumpulan pemuda dikatakan mahu menemui Tan Sri A Samad selaku Timbalan Menteri Besar, bagi meminta tempoh 10 minit sahaja dilonggarkan perintah berkurung yang dikuatkuasakan selepas kejadian tersebut. Kumpulan tersebut gagal menemui Tan Sri A Samad, menyebabkan mereka menyalahkan beliau kerana terlalu cepat diisytiharkan perintah berkurung. Bagaimanapun hingga sekarang Tan Sri A Samad tidak mengetahui ura-ura kumpulan pemuda tersebut mahu menemui beliau. Malah katanya, kalau kumpulan tersebut dapat menemuinya pun beliau tidak akan merestui tindakan ganas yang boleh mengancam keselamatan negara.

Kes amuk di Batu Kikir dalam tahun 1967 yang membabitkan ketegangan kaum dikira dugaan paling getir dihadapi oleh Tan Sri A Samad sewaktu menjadi Timbalan Menteri Besar. Beliau dianggap menjadi tempat bagi orang-orang Melayu meluahkan rasa terkilan apabila tercetus kemelut yang membabitkan bangsa Melayu. Keadaan demikian semakin ketara seolah-olah membayangkan terdapat jurang perbezaan politik di antara beliau dengan penyokong-penyokong Menteri Besar. Sikap penerimaan masyarakat Melayu yang ketara terhadap kepimpinannya, telah dieksploitasi oleh pihak lawan politiknya sebagai cuba membayangi kedudukan Menteri Besar sendiri.

Bukan sahaja dalam kes amuk di Batu Kikir itu Tan Sri A Samad menjadi tumpuan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, malah ketika berlaku rusuhan 13 Mei 1969 pun rumah beliau di Seremban telah diserbu oleh sekumpulan pemuda Melayu. Ketika itu Tan Sri A Samad sudah memenangi kerusi Parlimen Kuala Pilah dalam pilihanraya pada 10 Mei 1969, tetapi masih lagi buat sementara menjadi Timbalan Menteri Besar sebelum pembentukan kerajaan baru selepas pilihanraya tersebut.

Berikutan dengan kekacauan di Kuala Lumpur, seluruh negara dikenakan perintah berkurung setelah keadaan rusuhan kaum semakin merebak. Pilihanraya di Negeri Sembilan juga memberi gambaran senario yang berubah dengan pembangkang memenangi 8 daripada 24

kerusi Dewan Undangan Negeri, di samping 3 kerusi daripada jumlah 6 kawasan Parlimen. Di Port Dickson, dua kawasan ADUN iaitu Linggi dan Pasir Panjang yang diwakili calon Umno tewas kepada calon pembangkang bukan Melayu, sekali pun majoriti pengundinya Melayu.

Dalam kemelut 13 Mei itu, sekumpulan pemuda-pemuda Melayu telah menyerbu ke rumah Tan Sri A Samad di Gedung Lalang, Ampangan mendesak beliau memberikan kebenaran untuk bertindak di luar undang-undang. Bagaimana0..pun Tan Sri A Samad mengingatkan mereka bahawa beliau tidak akan bertanggungjawab sekiranya mereka mengambil tindakan di luar undang-undang yang menggugat keselamatan orang awam. Pihak polis dan tentera sudah tentu akan melepaskan tembakan ke atas sesiapa sahaja yang melanggar perintah berkurung setelah dikuatkuasakan.

Kedatangan kumpulan pemuda-pemuda Melayu menyerbu ke rumah Tan Sri A Samad ini menunjukkan beliau menjadi tumpuan apabila berbangkit isu yang berkaitan dengan kedudukan orang Melayu di Negeri Sembilan. Tetapi sebagai pemimpin di peringkat negeri beliau lebih mementingkan keselamatan orang awam di Negeri Sembilan, daripada terjebak dalam emosi kumpulan pemuda-pemuda tersebut. Justeru ketika mesyuarat ketua-ketua kaum ketika itu, beliau telah mengherdik wakil pembangkang yang terus menerus membuat kritikan dengan meletakkan kesalahan kepada orang Melayu.

Berpindah Ke Kerusi Parlimen

Disebabkan pergolakan di Negeri Sembilan dikatakan dicorakkan oleh Tan Sri A Samad, penentang-penentangannya yang dipelopori oleh penyokong kuat kumpulan 'orang Menteri Besar' di Seremban membuat berbagai bantahan. Tun Razak terpaksa memujuk Tan Sri A Samad bertanding di kerusi Parlimen, apabila Tan Sri Dr Mohd Said tidak dipilih menjadi calon dalam pilihanraya 1969. Apabila Tun Razak mengemukakan nama Mansor Othman bakal menjadi Menteri Besar, Tan Sri A Samad mencadangkan supaya calon dari kalangan muka baru itu diberikan kawasan Seri Menanti yang pernah diwakilinya.

Dalam pilihanraya 1969 itu, Tan Sri A Samad bertanding bagi kerusi Parlimen Kuala Pilah menggantikan Tan Sri Bahaman Shamsuddin, sementara itu kerusi DUN Seri Menanti ditandingi oleh Datuk Mansor. Sebagai muka baru yang belum dikenali oleh penyokong-penyokong Umno, beliau yakin Datuk Mansor berada



Bersama Tunku Abdul Rahman, selepas pilihanraya 1955 ketika Tunku masih Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.



Mengiringi Tuanku Munawir ketika Bulan Bahasa Kebangsaan di Seremban, 1965

dalam keadaan selamat di Seri Menanti yang dikenali sebagai kubu kuat Tan Sri A Samad. Memang Datuk Mansor anak tempatan, tetapi beliau tidaklah aktif dalam Umno Kuala Pilah setelah berkhidmat dalam syarikat koporat di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun nama Datuk Mansor sudah disebut-sebut bakal menjadi Menteri Besar sepanjang kempen pilihanraya 1969. Perpindahan Tan Sri A Samad ke kawasan Parlimen sebenarnya tidak mempunyai jaminan apa-apa bagi mendapat sebarang jawatan dalam kerajaan Pusat. Beliau ditentang oleh calon Pas, Tunku Abdul Rahim bin Tunku Muda Chik bagi kawasan Parlimen Kuala Pilah, yang sebelumnya bukanlah aktivis parti pembangkang berkenaan. Tunku Abdul Rahim juga bertanding bagi kerusi DUN Seri Menanti menentang Datuk Mansor.

Secara peribadi calon Pas memang seorang kerabat diraja yang disegani oleh penduduk tempatan serta berpengaruh di kalangan kerabat diraja. Beliau merupakan anak kepada Tunku Muda Chik iaitu antara kerabat diraja yang dikatakan ikut bersama Yamtuan Tuanku Antah berundur ke Singapura selepas kalah dalam Perang Bukit Putus 1876. Tunku Muda Chik juga pernah menuntut takhta Yamtuan Besar selepas kemangkatan Tuanku Antah dalam tahun 1888, tetapi mendapat tentangan keras daripada Dato' Siamang Gagap berdasarkan surat perjanjian dengan Gabenor British di Singapura, Sir Frederick Aloysius Weld yang menetapkan Tuanku Muhammad sebagai bakal menaiki takhta.

Sekali pun Tunku Muda Chik adalah putera Yamtuan Radin, tetapi bonda beliau keturunan Yamtuan Muda Jelebu iaitu Tengku Tenoh binti Tuanku Ahmad Syah (Yamtuan Sabun). Justeru kedudukannya di Seri Menanti tidaklah sama dengan kerabat yang mewarisi takhta daripada salasilah keturunan Yamtuan Antah. Kedudukan sebagai kerabat diraja itu telah digunakan oleh calon Pas sepanjang kempen pilihanraya, terutama di kawasan DUN Seri Menanti. Malah pengundi-pengundi Cina di Seri Menanti sendiri berikrar memberikan sokongan kepada Tunku Abdul Rahim.

Masyarakat Cina di Seri Menanti merasa terhutang budi kepada Tunku Abdul Rahim kerana jasanya menyelamatkan penduduk-penduduk di situ daripada pembunuhan beramai-ramai pada era pendudukan Jepun. Apabila Jepun sudah mengumpulkan orang-orang Cina untuk ditembak setelah menggali lubang masing-masing, Tunku

Abdul Rahim yang menjadi penghulu mukim telah memberi jaminan kepada pihak Jepun bahawa orang-orang Cina di Seri Menanti adalah berkelakuan baik. Dengan jaminan yang diberikan oleh Tunku Abdul Rahim ini, pihak Jepun membebaskan orang-orang Cina yang sudah menunggu saat terakhir untuk dibunuh beramai-ramai.

Jasa Tunku Abdul Rahim inilah yang menyebabkan pengundi-pengundi Cina di Seri Menanti memberikan ikrar untuk mengundinya. Bagaimanapun penampilan Tunku Abdul Rahim menjadi calon Pas, adalah ditaja oleh segelintir kerabat diraja yang merancang untuk menjatuhkan Tan Sri A Samad. Spekulasi awal juga menunjukkan kedudukan Tan Sri A Samad di kerusi Parlimen Kuala Pilah agak sengit, apabila Pas mencalonkan Tunku Abdul Rahim. Sementara itu di Seremban, Tan Sri A Samad mendapat perkhabaran baik, apabila seorang ketua adat yang berpengaruh di Sungai Ujong secara sukarela mahu keluar meninggalkan Pas untuk menyertai Umno.

Perkhabaran itu disampaikan oleh Datuk Ahmad Muhammad dari Rasah mengenai ketua adat yang bergelar Dato' Johan berjawatan tiang balai kepada Undang Luak Sungai Ujong mahu mengisytiharkan keluar dari Pas bersama penyokong-penyokongnya di hadapan Tan Sri A Samad selaku Timbalan Menteri Besar. Keputusan yang diambil oleh Dato' Johan itu memberikan sokongan moral kepada Tan Sri A Samad bagi menghadapi calon Pas dalam kawasan pilihanrayanya di Kuala Pilah. Pejabat gerakan pilihanraya Umno di Seremban diminta mengatur sidang akhbar bagi upacara pengisytiharan Dato' Johan bersama pengikut-pengikutnya meninggalkan Pas.

Dato' Johan merupakan pemimpin Pas di Seremban membuat pengisytiharan keluar dari Pas setelah berikrar memberikan sokongan kepada Tan Sri A Samad dalam satu sidang akhbar di Seremban. Pengisytiharan telah disiarkan dalam akhbar keesokan harinya dengan disambut baik oleh penyokong-penyokong Umno di Negeri Sembilan. Bagaimanapun selepas berita Dato' Johan bersama penyokong-penyokongnya keluar meninggalkan Pas tersiar, pihaknya membuat penafian pula sebagai reaksi seterusnya pada keesokannya.

Dalam laporan penafian itu Dato' Johan menganggap beliau bersama penyokong-penyokongnya dipaksa membuat pengisytiharan tersebut sedangkan mereka masih berdiri teguh bersama Pas. "Saya tidak faham apakah pendirian sebenarnya Dato' Johan, apabila membuat penafian dalam tempoh 24 jam selepas mengisytiharkan keluar daripada

Pas. Ketika membuat pengisytiharan beliau sendiri menemui saya secara sukarela untuk keluar beramai-ramai sebagai protes kepada Pas, tetapi pendiriannya berubah-ubah sebagai seorang ahli politik,” ujar Tan Sri A Samad kesal apabila mengimbau kembali kejadian yang tidak sepatutnya berlaku itu.

“Tindakan itu secara jelas mendedahkan pendirian ahli politik yang tidak matang, dan menampakkan kelemahan yang ketara dalam kepimpinan parti itu sendiri,” beritahu Datuk Ahmad yang bertanggungjawab mengatur sidang akhbar tersebut. Beliau juga melahirkan rasa kesal dengan sikap yang ditunjukkan oleh Dato’ Johan yang tidak konsisten dalam membuat sebarang keputusan. Bagaimanapun isu ‘keluar parti masuk parti’ tidaklah boleh dianggap mempengaruhi pengundi, sebaliknya sokongan moral sahaja kepada Umno kerana dapat mendedahkan kelemahan yang ada di pihak lawan.

Keputusan pilihanraya 1969 itu, Tan Sri A Samad mendapat 11,762 menewaskan calon Pas, Tunku Abdul Rahim yang memperolehi 8,166. Majoriti kemenangan beliau hanya 3,596 berbanding pencapaian Tan Sri Bahaman dalam pilihanraya 1964 yang menang dengan majoriti 11,374. Dengan jumlah 78.1 peratus pengundi membuang undi, terdapat 1,256 undi rosak iaitu dikira agak besar jumlahnya. Pencapaian calon Pas tidaklah begitu kuat kalau diambil kira jumlah undi calon-calon pembangkang DUN di kawasan Parlimen Kuala Pilah yang diperolehi iaitu Seri Menanti (1664), Johol (1572), Ulu Muar (1406 + 384) dan Pilah (1906 + 818 + 460) dengan jumlah keseluruhan ialah 8,120.

Sementara itu undi yang diperolehi oleh Parti Perikatan pula ialah Seri Menanti (3450), Johol (2800), Ulu Muar (3232) dan Pilah (1912) dengan jumlah keseluruhan 11,394. Ini menunjukkan Tan Sri A Samad yang mendapat 11,762 mendapat sokongan lebih 378 undi daripada jumlah keseluruhan, manakala Tunku Abdul Rahim mendapat tambahan 46 undi sahaja bagi jumlah keseluruhan. Senario politik dalam pilihanraya 1969 memang tidak diduga, apabila ramai calon Umno di seluruh negara seperti di Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan tewas kepada calon pembangkang bukan Melayu di dalam kawasan majoritinya Melayu.

Calon Umno yang tewas di Negeri Sembilan kepada calon pembangkang bukan Melayu ialah Haji Suleiman bin Jaalam (Pasir Panjang) dan Abdul Rashid Mohamad (Linggi), sementara Datuk

Abdul Samad Said (Si Rusa) tewas kepada calon Melayu daripada DAP. Analisis yang dibuat didapati kekalahan calon-calon Umno bukan disebabkan kekuatan parti pembangkang, tetapi perpecahan yang berlaku di dalam Umno sendiri berikutan krisis di Port Dickson selepas Tan Sri Dr Mohd Said tidak dipilih menjadi calon.

Tan Sri A Samad berpindah ke kerusi Parlimen dalam pilihanraya 1969, telah menukar kedudukan politiknya daripada pemimpin peringkat negeri kepada pemimpin di peringkat Pusat. Beliau bernasib baik apabila diletakkan menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar di bawah Tun Razak, yang juga memegang jawatan Perdana Menteri selepas pemulihan Parlimen berikutan tragedi 13 Mei. Justeru dalam beberapa pergolakan selepas itu beliau telah dianggap sebagai 'orang Tun Razak'.